

BICARA MEDIA 1

Penyunting:

**Naim Haji Ahmad
Siti Suriani Haji Othman
Noor Adzrah Ramle**



UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA
جامعة الإسلام Malaysia
ISLAMIC UNIVERSITY COLLEGE MALAYSIA

BICARA MEDIA 1



BICARA MEDIA 1

**Penyunting:
Naim Haji Ahmad
Siti Suriani Haji Othman
Noor Adzrah Ramle**

**Penerbit
KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA
Bandar Baru Nilai
Negeri Sembilan
2006**

Cetakan pertama 2006

© Hak cipta terpelihara
Kolej Universiti Islam Malaysia 2006

Hak cipta terpelihara, tiada mana-mana bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar kepada apa-apa bentuk dengan sebarang cara sekalipun tanpa izin bertulis daripada penerbit.

Diterbitkan di Malaysia oleh:

Penerbit KUIM,
Kolej Universiti Islam Malaysia,
Bangunan Pentadbiran,
Bandar Baru Nilai, 71800,
Nilai, Negeri Sembilan.
Tel : 06-798 8045 Faks : 06-7988244

CT CERANA PRINTER

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan -
dalam- Penerbitan

Bicara Media 1 / penyunting

Naim Haji Ahmad, Siti Suriani Haji Othman, Noor Adzrah Ramle.
ISBN 983-2950-24-4

1. Mass media and education—Malaysia. 2. Mass media and teenagers—Malaysia. 3. Television broadcasting—Malaysia.
4. Communication in organizations. I. Naim Haji Ahmad. II. Siti Suriani Haji Othman, III. Noor Adzrah Ramle. 302.2309595

ISI KANDUNGAN

Kata Pengantar Rektor KUIM <i>Y.Bhg. Prof. Dato' Dr Abdul Shukor Hj Husin</i>	i
Prakata	iii
Pendahuluan : Bicara Media 1 <i>Naim Hj. Ahmad</i>	1
Bab 1: Pembudayaan Filem Dalam Pendidikan <i>Naim Haji Ahmad</i>	9
Bab 2: Aplikasi Filem dan Video Dalam Pengajaran <i>Zaheril Zainudin</i>	23
Bab 3: Pengaruh Dan kesan Filem Keatas Remaja <i>Zaheril Zainudin</i>	33
Bab 4: Kesan Televisyen Terhadap Identiti Remaja <i>Siti Suriani Haji Othman</i>	41
Bab 5: Program Realiti Tempatan <i>Shahril Anuar Abdul Ghalim</i>	49
Bab 6: Program Televisyen Tempatan <i>Rosidayu Haji Sabran</i>	57
Bab 7: Perkembangan Akhbar Di Malaysia <i>Noor Adzrah Ramle</i>	67

Bab 8: Penghasilan Berita: Satu Perbincangan Daripada Perspektif Sosial Realiti <i>Siti Suriani Haji Othman</i>	75
Bab 9: Pengiklanan Di Malaysia <i>Rozita Abdullah</i>	87
Bab 10: Pengaruh Komik Dalam Membentuk Tingkahlaku Kanak-Kanak <i>Shahril Anuar Abdul Ghalim</i>	95
Bab11: Komunikasi Berkesan Dalam Organisasi <i>Siti Suriani Haji Othman.</i>	103
Profil Penulis	111

KATA PENGANTAR

Assalamualaikum wbt,
Syukur ke hadrat Illahi kerana dengan rahmat-Nya dapatlah buku ini yang menampilkan artikel-artikel di kalangan ahli akademik Program Komunikasi, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Kolej Universiti Islam Malaysia diterbitkan. Bagi saya, usaha seperti ini merupakan satu semangat murni yang harus dibanggakan. Apatah lagi menyedari bahawa penerbitan buku ini merupakan usaha yang julung-julung kali diadakan seumpamanya oleh sesebuah Program di universiti ini.

Saya berharap agar usaha-usaha seperti ini dapat dicontohi oleh program-program lain di universiti ini dengan harapan dapat membuka ruang untuk pengembangan ilmu dalam pelbagai bidang kepada bukan hanya para pelajar, tetapi juga para pembaca yang berminat mendalami sesuatu disiplin ilmu. Untuk jangka masa panjang, saya yakin kesungguhan sebegini akan membawa faedah kepada penulis, penyunting, pelajar dan pembaca di samping merupakan satu hasil ilmu yang boleh dimanfaatkan dari generasi ke generasi berikutnya. Hakikatnya, proses inilah yang membolehkan pembudayaan ilmu itu diteruskan, malah akan terus berkembang dan dibangunkan dari semasa ke semasa.

Proses ini sebenarnya melibatkan usaha daripada pelbagai disiplin ilmu. Bidang komunikasi misalnya merupakan antara bidang ilmu yang memainkan peranan penting dalam kelestarian kehidupan manusia. Tanpa ilmu komunikasi sesama manusia, mahupun yang bermedium seperti komunikasi massa, maklumat tidak dapat disampaikan, malah minda manusia akan terperangkap dalam paradigma yang tidak memungkinkan sesebuah tamadun itu dibangunkan. Jelas, tidak akan berlaku proses penerokaan, pencernaan dan pemindahan dan pewarisan ilmu yang mampu memaju dan memantapkan nilai-nilai kemanusiaan. Tanpa komunikasi juga mustahil usaha-usaha membudayakan Islam dapat disemai di hati manusia sejagat. Lihat sahaja kepentingan komunikasi dan medianya seperti televisyen, akhbar, buku, majalah

dan Internet yang berperanan sebagai penyebar berita dan maklumat. Malah, ketinggian tamadun sesuatu bangsa itu 'diukur' berdasarkan jumlah buku yang diterbitkan dalam setahun. Hakikat ini jelas menunjukkan bahawa media kini dilihat berupaya memainkan peranan yang signifikan dalam pembangunan intelektual dan fizikal sesebuah negara. Justeru, isu-isu berkaitan media seharusnya diketahui dan diambil berat oleh segenap lapisan masyarakat dengan potensi media yang semakin hari semakin meningkat. Namun, dalam masa yang sama, kontradiksi berkaitan media dan khalayaknya turut menjadi isu yang hangat diperdebat hingga kini. Isu-isu inilah yang turut perlu diberi perhatian dalam memastikan perseimbangan kesan media kepada masyarakat.

Memandangkan manusia adalah makhluk yang dikurniakan-Nya akal yang boleh memimpin, kita seharusnya menggunakan kebijaksanaan ini untuk mengadili pro dan kontra sesuatu penciptaan. Dengan kebolehan ini, manusia diharap akan mendapat lebih kebaikan daripada perkembangan media berbanding kebobrokkannya. Moga-moga dengan kelebihan ini juga akan melahirkan pewaris bangsa yang berilmu, ter pimpin dan bertakwa.

Semoga usaha murni ini dapat dikekalkan demi kemajuan ummah, doa saya sentiasa mengiringi usaha memajukan proses pengembangan ilmu demi kebaikan semua.

Salam hormat,
Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Haji Husin
Rektor KUIM

PRAKATA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Budaya menulis di kalangan ahli akademik merupakan satu budaya yang perlu diterap. Pendedahan di peringkat awal kepada ahli akademik yang muda misalnya adalah antara langkah terbaik untuk membuka ruang serta membudayakan penulisan di kalangan mereka. Menyedari hakikat ini, Program Komunikasi Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan telah sepakat untuk menerbitkan buku bertajuk “Bicara Media” yang akan berkesinambungan ibarat satu tradisi yang agung di kalangan ahli akademik Program ini. Buku yang diterbitkan pada pertama kalinya ini dipanggil Bicara Media 1 (BM 1) yang akan diteruskan pada masa depan dengan Bicara Media 2, Bicara Media 3 dan seterusnya.

Penghasilan buku ini bukan sahaja dapat memberi peluang kepada ahli akademik untuk melahirkan idea dan berkongsi ilmu dengan pembaca, tetapi juga sebenarnya menjadi platform penyebaran ilmu dalam bentuk tradisional yang tidak pernah dilupakan. Walaupun penggunaan Internet telah banyak mengubah cara hidup dan corak pembelajaran manusia sejagat, nampaknya penyebaran dan perkongsian maklumat terutama yang berbentuk ilmiah masih diteruskan melalui media buku yang mempunyai kelebihannya yang tersendiri. Apatah lagi penghasilan buku dalam sesuatu disiplin ilmu yang spesifik dan berkesinambungan, usaha seperti ini adalah amat bertepatan dengan harapan melihat perkembangan ilmu amnya dan ilmu komunikasi khususnya dalam dunia akademik ini.

Usaha menampilkan penulisan ahli akademik daripada Program Komunikasi di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan di Universiti ini menjadi satu petunjuk kepada tahap kemampuan ahli akademik yang masih muda dalam program ini. Usia, nyata tidak pernah menjadi penghalang kepada usaha-usaha murni dan keinginan untuk berbakti kepada agama, bidang ilmu, bangsa dan negara. Apa yang jelas, keupayaan ini membuktikan kesungguhan dan daya saing ahli akademik muda yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi. Sesungguhnya, usaha awal ini amat diharapkan akan memanfaatkan pembaca yang

merupakan sasaran ilmu dan mesej yang dibawa. Semoga ilmu yang dikongsi ini diberkati-Nya, dan semoga usaha ini akan terus menerangi perjalanan dunia akademik yang dilimpahi cahaya ilmu ini.

Wassalam.

Naim Haji Ahmad

Siti Suriani Haji Othman

Noor Adzrah Ramle

Rujukan

- Abdul Mu'ati. 1998. *Kemahiran komunikasi dalam organisasi*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Carrell, M. R. Jennings, D. F. & Heavrin, C. 1997. *Fundamentals of Organizational Behavior*. New Jersey: Prentice-Hall International.
- Certo, S. C. 2003. *Modern management adding digital focus*. 9th Ed. New Jersey: Pearson Education International, Inc.
- Darling, J. R. & Walker, W. E. 2001. "Effective conflict management: use of the Behavioral style model". *Leadership & Organizational Development Journal*. 22. (5). pp. 230-242.
- Finemen, S. 1980. "The Nature of Stress, A Case Study". *Leadership and Organizational Development Journal*. 1. (4). 3-8.
- Goldhaber, G. M. 1983. *Komunikasi dalam organisasi*. Translated by Omardin Haji Ashaari & Azahar Raswan Dean Wan Din. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Greenberg, J. & Baron, R. A. 2003. *Behavior in organizations*. 8th Ed. New Jersey: Person Education international.
- Hashim Fauzy Yaakob. 2001. *Komunikasi antara manusia*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- R. D. Sharma. 1978. *Organizational Management*. New Delhi: Light & Life Publishers.
- Rees, C. 1999. "Teamworking and service quality: the limits of employee involvement". *Personnel Review*. 28. pp.1-2.

- Smith, M & Cooper, C. 1994. "Leadership and Stress". *Leadership and Organizational Development Journal*. 15. (2). pp. 3-7.
- Swiercz, P. M. & Lydon, S. R. 2002. Entrepreneurial leadership in high-tech firms: a field study. *Leadership & Organizational Development Journal*. 23. (7). pp. 380-389.
- Thill, J. V. & Bovee, C. L. 2001. *Excellence in business communication*. 6th Ed. United State: Pearson Prentice Hall.
- Wood, J. T. 2002. *Interpersonal communication in everyday encounters*. 3rd Ed. United State: Wadsworth Group.

PROFIL PENULIS



- Naim Haji Ahmad merupakan Ketua Program Komunikasi di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM). Beliau memiliki ijazah kedoktoran dalam bidang utama Teknologi Sistem Pengajaran dan menjurus kepada sub-sub bidang Kajian Filem Pendidikan dan Etnografi, Pengurusan dan Penerbitan Audio Visual dan beberapa aspek dalam seni persembahan. Pernah bertugas sebagai Penerbit TV di RTM, Pensyarah di Universiti Putra Malaysia dan pengajar jemputan / sambilan di Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Akademi Seni Kebangsaan, FINAS dan Akademi Seni Melaka.



- Rosidayu Haji Sabran ialah pensyarah Program Komunikasi, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP), Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM). Beliau merupakan graduan UiTM dalam bidang Penyiaran dan memperolehi Ijazah Sarjana dari UPM dalam bidang Komunikasi Korporat. Beliau pernah berkecimpung dalam industri penyiaran sebagai wartawan siaran dan penerbit rancangan sebelum bertukar kerjaya dan berkhidmat di KUIM pada Julai 2004. Selama 10 tahun dalam industri, beliau berpengalaman terlibat dalam program-program yang bertemakan hal ehwal semasa, keagamaan, perniagaan, kewangan, wanita dan remaja.



- Siti Suriani Haji Othman ialah pensyarah kewartawanan Program Komunikasi di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP), Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM). Mendapat pendidikan awal kewartawanan di UiTM dan kemudian melanjutkan pelajaran di peringkat sarjana dalam bidang komunikasi di UKM. Pernah berkhidmat sebagai pensyarah komunikasi di Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM), pensyarah sambilan PJJ UPM dan pensyarah sambilan di Kolej Tunku Abdul Rahman. Beliau mempunyai minat yang mendalam dalam bidang penulisan dan menulis berkaitan motivasi dan komunikasi manusia.



- Shahril Anuar Abdul Ghalim merupakan tutor pengkhususan penyiaran televisyen dan radio. Beliau merupakan graduan dari UiTM dan pernah berkhidmat sebagai Penolong Penerbit di RTM sebelum berkhidmat di KUIM. Beliau telah menamatkan pengajian di peringkat sarjana dari universiti yang sama pada 2005.



- Noor Adzrah Ramle ialah tutor Program Komunikasi di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM). Beliau merupakan graduan dari UiTM. Pernah berkhidmat di sebuah agensi pengiklanan swasta sebelum berkhidmat di KUIM. Beliau kini sedang melanjutkan pengajian di peringkat sarjana di Australia hingga tahun 2007.



- Zaheril Zainudin ialah tutor di Program Komunikasi di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM). Menerima Ijazah Sarjana Muda dengan kepujian dalam bidang Pendidikan dan Ijazah Sarjana (MSc.) dalam bidang Teknologi Pendidikan dari Universiti Putra Malaysia pada 2003. Pernah berkhidmat sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan di Sabah, Pegawai tadbir di Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Universiti Putra Malaysia (2001-2003) dan pegawai Tadbir di Ayra Klasik Sdn. Bhd. (2003-2004). Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Tutor Sambilan di Fakulti Pendidikan Universiti Putra Malaysia dan Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi MARA.



- Rozita Abdullah ialah tutor Program Komunikasi mengkhusus dalam Komunikasi Korporat di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM). Beliau menerima Ijazah Sarjana Muda dari Universiti Islam Antarabangsa (UIA) dan kini sedang melanjutkan pelajaran di University of Western Australia, Perth, Australia sehingga tahun 2007.

Buku yang terhasil daripada gabungan idea dan cetusan pemikiran para penulis ini merupakan antara satu garapan cetusan pemikiran di kalangan penulis muda dalam bidang komunikasi dan juga media. Penghasilan buku ini bukan sahaja dapat memberi peluang kepada ahli akademik untuk melahirkan idea dan berkongsi ilmu dengan pembaca, tetapi juga sebenarnya menjadi platform penyebaran ilmu dalam bentuk tradisional yang tidak pernah dilupakan. Walaupun penggunaan Internet telah banyak mengubah cara hidup dan corak pembelajaran manusia sejagat, nampaknya penyebaran dan perkongsian maklumat terutama yang berbentuk ilmiah masih diteruskan melalui media buku yang mempunyai kelebihan yang tersendiri. Selamat menerokai idea-idea penulis ini!

ISBN 983-2950-24-4



9 789833 950249